



BULETIN

# MPKL

MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT

EDARAN PERCUMA

EDISI 4 / 2020



## MAJLIS PERPISAHAN TIMBALAN YANG DIPERTUA MPKL

Berita lanjut di muka surat 3



[www.mpkl.gov.my](http://www.mpkl.gov.my)

- Isi Kandungan / Sidang Redaksi / Perutusan YDP	2
- Majlis Perpisahan Timbalan Yang Dipertua MPKL	3
- Medan Selera Pantai Batu Laut	4
- Medan Selera Jeti Tanjung Sepat - Tandas Awam Bukit Jugra Baharu	5
- Menaiktaraf Landskap	6
- Papan Tanda "Kuala Langat" Dan Walkway Di Zon Penampakan	7
- Mesyuarat Penutup Audit Pemantauan 2 Oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Tahun 2020 - Mesyuarat Penutup Pengauditan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kuala Langat Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019	8
- Program "PBT Perangi Pemberi Rasuah" Sempena Hari Anti Rasuah Antarabangsa (HARA) 2020 Dengan Kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Dan Yayasan Anti Rasuah Malaysia (YARM)	9
- Mesyuarat Majlis Perbandaran Kuala Langat Bilangan 10 Tahun 2020	10
- Sitaan Banner Rumah Lelong Dan Bank Lelong - Pemeriksaan Premis Dan Pasar, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) Di Kuala Langat Oleh Pegawai Penguatkuasa MPKL	11
- Sitaan Gerai - Siasatan Aduan Kilang Haram	12
- Operasi Menyita Peralatan Penjaja Yang Meninggalkan Peralatan Selepas Tamat Waktu Berniaga	13
- Sanitasi Awam Di Kawasan Jenjarom Dan Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Kuala Langat	14-15
- Semburan Kabus Kawalan Denggi Oleh MPKL - Operasi Sanitasi Awam Oleh MPKL Bersama Jabatan Bomba	16
- Menyita Peralatan Buruk Terlanjar - Operasi Sampah Haram	17
- Pelaksanaan Program MPP	18-19
- Penutup	20

# PERUTUSAN YDP MPKL



**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera**

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan kepada seluruh warga Kuala Langat semoga sentiasa dalam perlindungan Allah S.W.T dan sihat sejahtera.

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, kita diberi kemudahan dan kesempatan dalam penerbitan buletin MPKL pada kali ini untuk mendapatkan dan menyampaikan informasi. Alhamdulillah MPKL telah diisytiharkan secara rasmi sebagai Majlis Perbandaran pada 9 September 2020.

Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang bertanggungjawab terhadap keselesaan, keharmonian dan kesejahteraan penduduknya, pelbagai usaha dilakukan untuk naik taraf kawasan-kawasan MPKL. Pada masa ini, penumpuan sedang diberi terhadap pembangunan dan menaik taraf infrastruktur serta kemudahan seperti, pencahayaan dalam kawasan-kawasan perbandaran, pembinaan dan menaik taraf taman-taman awam dan kemudahan-kemudahan rekreasi lain untuk keselesaan warga Kuala Langat khasnya.

Selain daripada itu, pada ketika ini umum mengetahui bahawa kita belum menang dalam melawan pandemik COVID-19. Oleh yang demikian, saya juga menyeru kepada semua masyarakat khasnya warga Kuala Langat agar kita sama-sama membendung dan mengawal penularan wabak COVID-19. Amalkan 3W iaitu cuci (*wash*) tangan dengan air dan sabun. Pakai (*wear*) pelitup muka apabila berada di tempat awam. Amaran (*Warn*) iaitu jangan bersalaman, sentiasa duduk di rumah dan dapatkan rawatan segera jika bergejala. Patuhi arahan dan SOP yang telah dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Akhir kata, saya amat berharap agar seluruh warga daerah Kuala Langat menjaga keharmonian dan kesejahteraan bersama-sama serta menjalani kehidupan dengan norma baharu.

Sekian, terima kasih.

**"Kuala Langat Indah, Harmoni dan Bestari"**

**DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM, D.I.M.P**

## SIDANG REDAKSI

### PENAUANG

DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD. RAHIM, D.I.M.P  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT

### PENASIHAT

ENCIK MOHD YASIN BIN ALWI, A.S.  
TIMBALAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT

### KETUA PENGARANG

ENCIK HISHAMUDDIN BIN ISMAIL, P.P.T

### PENGARANG

ENCIK MOHAMMAD KAMAL BIN MOHD RAMLAN, P.P.T

### PENOLONG PENGARANG

ENCIK MUHAMMAD NAFIS ASYRAF BIN RAMLI  
ENCIK KHAIRUL ASWADI BIN ABDUL RAZAK

### JURUFOTO

ENCIK MUHAMMAD NAFIS ASYRAF BIN RAMLI  
YM RAJA MOHD HAFIZ BIN RAJA BULAT  
ENCIK AHMAD AZAMUDDIN BIN MD ARIS

## AMALKAN SOP COVID-19 DEMI KESEJAHTERAAN BERSAMA



**MEMAKAI PELITUP MUKA**



**IMBAS KOD QR**



**PENJARAKAN FIZIKAL  
1 METER**



**PERIKSA SUHU  
BADAN**



**PENGGUNAAN  
HAND SANITIZER**



## MAJLIS PERPISAHAN TIMBALAN YANG DIPERTUA MPKL

Majlis Perpisahan Timbalan Yang Dipertua Perbandaran Kuala Langat (MPKL), En. Mohd Yasin bin Alwi yang akan bertukar ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) . Setinggi penghargaan yang tidak terhingga selama perkhidmatan beliau di Majlis Perbandaran Kuala Langat. Selamat maju jaya di masa hadapan dan jasamu tetap dikenang oleh seluruh warga kerja Majlis Perbandaran Kuala Langat. Turut diadakan, sesi bergambar bersama Yang Dipertua, Pengarah Jabatan, Ketua Bahagian dan Unit serta seluruh warga kerja Majlis Perbandaran Kuala Langat. Diakhir majlis ini, MPKL memberi penghormatan terakhir kepada beliau sebagai Timbalan Yang Dipertua di MPKL sejak 2014.





## MEDAN SELERA PANTAI BATU LAUT

Medan Selera Pantai Batu Laut dibina bertujuan memberikan keselesaan dan kemudahan pengunjung serta peniaga yang mampu menarik pengunjung pada hujung minggu. Ia selari dengan hasrat MPKL untuk menaik taraf dan meningkatkan imej gerai di kawasan ini yang telah lama wujud. Pembinaan kedua-dua Medan Selera ini telah siap sepenuhnya pada 21 Februari 2020.

## MEDAN SELERA JETI TANJUNG SEPAT



## TANDAS AWAM BUKIT JUGRA BAHARU

Projek menaik taraf tandas awam baharu telah siap dibina sebagai sebuah satu fasiliti kemudahan awam di lokasi ini. Projek ini membabitkan naik taraf dan tandas yang sudah usang dan uzur. Memandangkan kadar kunjungan orang awam ke Bukit Jugra semakin meningkat khususnya bagi mereka yang berminat mendaki cerun bukit dan aktiviti "paragliding" pada hujung minggu. Pihak MPKL menggesa orang awam supaya menggunakan tandas serta menjaga kebersihan dan beretika ketika dikawasan tandas tersebut.



## MENAIKTARAF LANDSKAP

Kerja-kerja menaik taraf landskap di bahagian median tengah (Divider) ,bahu jalan dan Jambatan di Jalan Sultan Abdul Samad, *traffic light* (lampu isyarat) persimpangan Pejabat JKR, Stadium Jugra hingga Jambatan Sultan Abdul Samad serta lain-lain kerja yang berkaitan. Projek ini dapat di siapkan dalam masa dua bulan dan telah siap dibina pada 30 September 2020. Bandar sejahtera bukan sekadar dinilai kepada 'kebanjiran' bangunan tinggi dan kepesatan ekonomi semata-mata, sebaliknya nilai bandar mampan menjurus kepada keperluan sosial penduduk menerusi menaiktaraf landskap. Tujuan menaik taraf landskap ini dapat mengimbangkan pembangunan bandar melalui cara mengintegrasikan nilai ekologi dengan nilai estetika serta visual di dalam membentuk suasana yang mampu memberi kesan keceriaan dan ketenangan kepada pengunjung dan dalam masa yang sama dapat menghargai alam semulajadi. Pada tahun 2018 pihak MPKL telah membelanjakan sebanyak RM752,000 bagi membaiki peralatan-peralatan riadah yang ada di seluruh taman-taman permainan dan dataran di kawasan pentadbiran MPKL dan jumlah itu meningkat pada tahun 2019 kepada RM800,000. Pihak MPKL kesal dengan tindakan segelintir orang awam yang tidak bertanggungjawab merosakkan harta awam dan berharap agar rakyat dapat bersama-sama menjaganya seiring dengan slogannya Kuala Langat Indah, Harmoni dan Bestari.



## PAPAN TANDA 'KUALA LANGAT' DAN WALKWAY DI ZON PENAMPAN

Majlis Perbandaran Kuala Langat telah menaik taraf zon penampungan dengan membina Papan Tanda Zon "Kuala Langat" dan *Walkway*. Dibawah seliaan Jabatan Landskap MPKL, projek ini dapat di siapkan dalam masa 3 bulan dan telah siap dibina pada 12 November 2020. Ianya terletak berhampiran dengan Sungai Langat yang menjadi mercu tanda dan sudut bergambar sekaligus menjadi tarikan untuk beriadah bersama seisi keluarga di Kuala Langat.



## MESYUARAT PENUTUP AUDIT PEMANTAUAN KALI KE-2 OLEH SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN BHD. TAHUN 2020

Pada 2 Oktober 2020, Mesyuarat Penutup Pemantauan kali ke-2 oleh SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN BHD Tahun 2020 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Bilik Cempaka Kuning. Mesyuarat ini telah disempurnakan oleh yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Langat. Mengikut laporan rasmi SIRIM, tiada (*Nonconforming Report (NCR)*) direkodkan. Tahniah MPKL!

## MESYUARAT PENUTUP PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT

Pada 2 Oktober 2020, Mesyuarat Penutup Pengauditan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kuala Langat bagi tahun berakhir 31 Disember telah diadakan di Bilik Mesyuarat Bilik Cempaka Kuning. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Yang Dipertua Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim.





# PROGRAM "PBT PERANGI PEMBERI RASUAH" SEMPENA HARI ANTI RASUAH ANTARABANGSA (HARA) 2020

Objektif utama program ini adalah untuk menimbulkan kesedaran tentang bahaya amalan rasuah dan menjadi individu yang lebih bertanggungjawab, amanah dan berintegriti. Program ini telah disempurnakan oleh Yang Dipertua MPKL Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim.



## MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT BILANGAN 10 TAHUN 2020

Pada 22 Disember 2020, Mesyuarat MPKL bilangan 10 tahun 2020 telah diadakan di Hotel Marriot, Putrajaya. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Yang Dipertua Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim dan di hadiri oleh semua Ahli Majlis, Pengarah Jabatan, Ketua Bahagian dan Ketua Unit, Majlis Perbandaran Kuala Langat.



## SITAAN BANNER RUMAH LELONG DAN BANK LELONG

Pada 7 Oktober 2020, Jabatan Penguatkuasaan telah melancarkan Operasi Sitaan *Banner* Rumah Lelong dan Bank Lelong di sekitar Jalan Berjaya 48, Taman Langat Jaya Banting. Hasil tindakan mendapati 15 keping iklan telah dirampas oleh Penguatkuasa. Kesalahan ini dibawah UUK 4, (b), UUK/ Vandalisme.



## PEMERIKSAAN PREMIS DAN PASAR, PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) DI KUALA LANGAT OLEH PEGAWAI PENGUATKUASA MPKL

Pasukan pemantauan Penguatkuasa (MPKL) akan meningkatkan pemeriksaan dan pemantauan bagi memastikan orang ramai patuh kepada peraturan dan prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan. Penggunaan aplikasi MySejahtera dan SELangkah digalakkan di semua premis perniagaan bagi memudahkan proses pengesanan kontak oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).



## SITAAN GERAI

Pada 17 Oktober 2020, Operasi Sitaan Gerai telah dilancarkan oleh Jabatan Penguatkuasaan di sekitar lorong belakang premis No. 29, Jalan Spu 2, Bandar Saujana Putra. Hasil daripada tindakan, sebuah gerai dilorong belakang premis kedai telah disita. Kesalahan ini di bawah UUK 19, UUK /Penjaja.



## SIASATAN ADUAN KILANG HARAM

Jabatan Penguatkuasaan telah menjalankan Siasatan Aduan Kilang Haram pada 6 November 2020 di Lot 44941, Jalan Jurutera, Batu 13, Kampung Sri Aman Hilir (Tersusun), 47100 Puchong. Kesalahan ini, dibawah UUK3, UUK/TPP



**OPERASI MENYITA PERALATAN  
PENJAJA YANG MENINGGALKAN  
PERALATAN SELEPAS TAMAT  
WAKTU BERNIAGA.**

Pada 7 November 2020, Cawangan Bandar Saujana Putra telah melancarkan Operasi Menyita Peralatan Penjaja di kawasan penjaja Jalan SP 4, Bandar Saujana Putra. Operasi penyitaan ini menfokuskan kepada penjaja yang meninggalkan peralatan selepas tamat waktu bekerja. Sebanyak 9 penjaja telah disita peralatan perniagaannya. Kesalahan ini dibawah UUK 19, UUK/Penjaja.



## SANITASI AWAM DI KAWASAN JENJAROM DAN IBU PEJABAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT.

Sejumlah 12 anggota daripada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekitaran (JPSPKP), Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) telah menjalankan proses sanitasi awam bagi membantu mengekang penularan COVID-19. Antara kawasan tumpuan utama adalah di sekitar Ibu Pejabat MPKL dan Sekitar Jenjarom. Bermula dari bahu jalan sehingga ke dinding luar bangunan/premis atau pagar yang merangkumi perabot jalan seperti papan tanda, sisi jalan serta meliputi tempat awam yang terbuka atau lokasi kunjungan orang awam seperti laluan siar kaki, dan kemudahan awam, Tujuan utama semburan sanitasi ini adalah bagi memastikan semua tempat tumpuan awam di kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Kuala Langat ini dapat dibersihkan daripada sebarang jenis kuman yang boleh memudaratkan orang ramai dan seterusnya membantu mengurangkan mangsa pandemik ini. MPKL juga menghargai kerjasama orang awam, penduduk setempat dan para peniaga semasa operasi tersebut dilakukan. Pada masa sama, MPKL menyeru orang awam untuk mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan kerajaan bagi membantu menyekat penularan COVID-19.







## SEMBURAN KABUS KAWALAN DEMAM DENGGI OLEH MPKL

Pada 15 Oktober, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekitaran telah menjalankan Operasi Semburan Kabus di sekitar Taman Langat Utama, Bukit Changgang. Langkah pencegahan ini bertujuan untuk mengawal penyakit demam Denggi yang semakin meningkat setiap tahun



## OPERASI SANITASI AWAM OLEH MPKL BERSAMA JABATAN BOMBA

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekitaran telah menjalankan Operasi Sanitasi Awam pada 5 Oktober 2020 di sekitar Kampung Labohan Dagang, Bandar Seri Ehsan dan Olak Lempit. Operasi ini mendapat kerjasama daripada Jabatan Bomba Kuala Langat dalam melaksanakan operasi ini dengan lebih efektif.





## **MENYITA KENDERAAN BURUK TERLANTAR**

11 Disember 2020, Cawangan Bandar Saujana Putra telah menyita kenderaan buruk terlantar di sekitar Bandar Saujana Putra. Jika didapati bersalah, pesalah boleh dikenakan tindakan dalam Seksyen 46 (1) (E), Akta 133.



## **OPERASI SAMPAH HARAM**

6 Disember 2020, Jabatan Penguatkuasaan telah menjalankan Operasi Sampah Haram di sekitar Kuala Langat. Hasil daripada operasi ini, 22 notis kesalahan telah dikeluarkan dan 3 sitaan lori trak . Jika didapati bersalah, boleh dikenakan hukuman dibawah UUK3(A) / UUK Mencegah Kekotoran, UUK 4/ UUK Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap.

# PROGRAM/AKTIVITI MPP



10 Oktober 2020 - MPP ZON 12  
 Program Membuat Minyak Wangi



7 Disember 2020 - MPP ZON 12  
 Program Sumbangan COVID-19



10 Disember 2020 - MPP ZON 12  
 Gotong-Royong Dan Agihan Nasi Ambeng



4 Oktober 2020 - MPP ZON 13  
 Gotong-Royong Taman Mentari Di Balairaya Taman Mentari



17 Oktober 2020 - MPP ZON 13  
 Penyerahan Mosquito Repellent Pada Tadika MPP ZON 13

# PROGRAM/AKTIVITI MPP



30 Oktober 2020 - MPP ZON 13  
Penyerahan Facemask Kepada  
Surau Di Surau Al-Ameen



12 November 2020 - MPP ZON 13  
Program Prihatin Deepavali



23 Disember 2020 - MPP ZON 13  
Penyerahan Kalendar Dan  
Facemask Kepada Warga Pasar  
Di Pasar Malam Bandar Mahkota



29 Disember 2020 - MPP ZON 24  
Program Penyerahan  
Sumbangan Peralatan  
Pencegahan Denggi



30 Disember 2020 - MPP ZON 24  
Program Penyerahan  
Sumbangan Kepada Penduduk  
Di Tanjung Sepat



**7 Oktober 2020**  
Pokok Tumbang  
Di Jalan Utama  
Bandar Mahkota 7



**12 Oktober 2020**  
Pokok Tumbang  
Di Kampung Batu Laut



**13 Oktober 2020**  
Pokok Tumbang  
Di Bandar Seri Ehsan



**16 Oktober 2020**  
Operasi Pemantauan  
Air Pasang Besar  
Di Pantai Morib



**16 November 2020**  
Operasi Pemantauan  
Air Pasang Besar  
Di Pantai Morib



**21 Disember 2020**  
Pokok Tumbang  
Di Kampung Chodoi

Penerbitan buletin ini dikhususkan kepada pembaca Sektor Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta di seluruh negara dan edaran secara percuma.

Segala tulisan, ilustrasi dan foto dalam buletin ini adalah hak milik penerbit dan tidak dibenarkan disiarkan tanpa kebenaran bertulis daripada pihak penerbit.

Diterbitkan oleh:

Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat  
Majlis Perbandaran Kuala Langat  
Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah, 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03 3187 2825 / 2732 / 8957 / 1743 Faks : 03 3187 9304  
E-mel : admin@mpkl.gov.my , aduan@mpkl.gov.my  
Laman Sesawang : www.mpkl.gov.my